
Kuala Linggi Semasa Pemerintahan Raja Kecil di Johor

KEJATUHAN KERAJAAN JOHOR¹



ADA 21 Mac 1718, dalam suatu serangan mengejut, kerajaan Johor di Panchor telah jatuh ke tangan Raja Kecil dari Siak.¹ Sultan Abdul Jalil telah berlepas ke hulu, iaitu ke Kota Tinggi. Dalam pertempuran itu Raja Muda Tun Mahmud telah terbunuh di Kayu Anak (Andaya, 1975:266; 1987:354) dan beliaulah yang disebut sebagai *Marhum Mangkat di Kayu Anak* (Buyung Adil, 1989:105). Dengan matinya Raja Muda, tugas untuk mempertahankan kerajaan Johor tertanggung atas Bendahara Tun Abdullah. Tun Abdullah akhirnya lari meninggalkan pusat kerajaan Johor.

Setelah menakluk kerajaan Johor, untuk mewujudkan kedamaian dengan keluarga Sultan Abdul Jalil, Raja Kecil telah meminang puteri Sultan Abdul Jalil, Tengku Tengah (atau Tengku Erang). Namun demikian, Raja Kecil telah berkahwin dengan Tengku Kamariah, adik Tengku Tengah dan puteri bongsu Sultan Abdul Jalil. Perbuatan Raja Kecil ini telah memalukan Tengku Tengah dan menyebabkan beliau menaruh perasaan dendam terhadap Raja Kecil. Kemarahan Tengku Tengah dan saudara lelakinya, Raja Sulaiman, semakin bertambah apabila mendapat tahu bahawa ayahnya (Sultan Abdul Jalil) hendak menjadikan Raja Kecil sebagai Bendahara (Buyung Adil, 1980:107; Hooker, 1991:190; Shaharom Husain, 1995:29).

Tidak lama selepas kejatuhan Sultan Abdul Jalil, Daing Parani dan saudara-saudaranya telah datang melawat Johor. Kedatangan mereka telah disambut oleh Raja Kecil dan dijamu. Pada masa itu Raja Sulaiman dengan saudaranya Tengku Tengah telah berunding dan mencapai keputusan untuk meminta bantuan daripada daing-daing Bugis tersebut. Keputusan mereka (dengan restu Sultan Abdul Jalil) telah dikemukakan kepada Daing Parani. Akhirnya kedua-dua belah pihak bersetuju dengan rancangan tersebut dan berjanji, sekiranya berjaya menghalau Raja Kecil keluar dari negeri Johor, salah seorang daripada daing itu akan dilantik menjadi Yam-

tuan Muda (Yang Dipertuan Muda) Johor, Riau dan Lingga hingga kepada keturunannya. Untuk merapatkan tali persaudaraan antara kedua-dua belah pihak, Tengku Tengah telah dikahwinkan dengan Daing Parani (Buyung Adil, 1980:108; Hooker, 1991:191; Shaharom Husain, 1995:30). Semenjak itu, Raja Kecil berasa cemburu kepada anak-anak raja Bugis tersebut. Tidak lama kemudian, daing-daing tersebut meminta izin daripada Sultan Abdul Jalil (sekarang ayah mentua Daing Parani) keluar dari Johor belayar ke Siantan.²

Setelah daing-daing Bugis lima bersaudara itu meninggalkan Johor, berbangkitlah berbagai-bagi fitnah dalam negeri menyebabkan Johor menjadi huru-hara. Johor pada ketika itu seolah-olah mempunyai dua orang raja. Sebahagian daripada rakyat menyebelahi Raja Kecil dan di pihak lain menyertai Sultan Abdul Jalil. Akhirnya satu perperangan³ antara Raja Kecil dan Sultan Abdul Jalil telah meletus. Sultan Abdul Jalil yang berkubu di Seluyut akhirnya telah tewas dan berundur ke Terengganu⁴ membawa bersama-sama dua orang anak lelakinya dan meninggalkan anggota keluarga yang lain serta harta benda baginda (Shaharom Husain, 1995:30). Setelah Sultan Abdul Jalil, berundur pada akhir tahun 1781, Raja Kecil telah balik ke Siak.⁵

Perbuatan Raja Kecil cuba meninggalkan Johor ini telah ditahan oleh Orang Laut yang menuntut supaya beliau meninggalkan semua harta kerajaan Johor sebagai satu syarat untuk pulang ke Siak dengan selamat. Mengapa Orang Laut, iaitu orang yang banyak membantu Raja Kecil semasa menakluki Johor, berselisih faham dengan Raja Kecil masih tidak dapat dipastikan. Namun tidak lama selepas penaklukan Johor pada sekitar Jun atau Julai 1718, mereka menawarkan bantuan tenaga Orang Laut kepada Bendahara Tun Abdullah untuk menawan semula Johor daripada tangan Raja Kecil. Tawaran ini enggan diterima oleh Bendahara yang kembaliannya pergi ke Melaka mendapatkan perlindungan.

Bendahara Tun Abdullah, pada akhir bulan Jun dan awal Julai 1718 telah pergi ke beberapa tempat seperti Muar, Padang dan kawasan-kawasan di sekitarnya menghimpunkan tenaga untuk menubuhkan suatu angkatan perang Johor. Beliau menyedari bahawa sebarang percubaan untuk menawan semula Johor akan memerlukan kekuatan yang lebih besar daripada yang dapat dikumpulkannya sendiri dari tempat-tempat tersebut. Dengan tujuan memperkuatkan lagi tenteranya, Bendahara Tun Abdullah telah pergi ke Kuala Linggi menemui Daing Marewah. Dengan cara memujuk dan barangkali dengan cara menjanjikan hadiah yang tidak dinyatakan,⁶ beliau telah berjaya mendapatkan taat setia daripada Daing Marewah. Dengan bantuan kekuatan 60 buah kapal Bugis, Bendahara Tun Abdullah telah berangkat ke Johor. Dalam perjalanan itu beliau dan Daing Marewah telah berjaya menawan lapan buah kapal Minangkabau. Sebelum tiba ke Johor, beliau dan Daing Marewah telah diberitahu bahawa Raja Kecil telah

pun pulang ke Siak. Oleh yang demikian, mereka pun mengubah haluan menuju ke Bengkalis pula.

Sesampainya di Bengkalis, Daing Marewah cuba mencari suatu jalan penyelesaian secara damai dengan Raja kecil. Daing Marewah telah menghantar dua orang wakil menemui Raja Kecil untuk tujuan itu tetapi per-cubaan itu gagal kerana pihak Bugis tidak dapat menyetujui syarat yang dipinta oleh Raja Kecil, iaitu menyerahkan Bendahara kepadanya untuk dihukum. Dengan itu pertempuran tidak mungkin dielakkan lagi. Perang bermula pada petang selepas wakil Raja Kecil meninggalkan Daing Marewah untuk menyatakan syarat tersebut. Orang Bugis telah menyerang kapal-kapal Minangkabau yang belayar dari Pulau Gontong ke Bengkalis. Dengan itu suatu peperangan telah meletus. Perang ini berlanjutan untuk selama tiga hari dan berakhir dengan kekalahan pada pihak Minangkabau. Raja Kecil telah meminta laluan dari pihak Bugis untuk ke Lingga. Laluan itu akan diberi dengan syarat Raja Kecil memulangkan semula isteri dan anak-anak Sultan Abdul Jalil; jika tidak Daing Marewah akan meneruskan peperangan untuk membala dendam atas kematian pengikut-pengikutnya (Andaya, 1975:283; 1987:375).

Dua hari selepas perang itu berhenti, Daing Marewah telah belayar ke Pulau Gontong dan menemui semula isteri dan anak-anak Sultan Abdul Jalil Johor dan seluruh rombongannya. Keluarga diraja Johor yang diselamatkan oleh Daing Marewah bersama Bendahara Tun Abdullah telah berada di Pulau Gontong sejak mereka ‘ditawan’ oleh Raja Kecil sehingga mereka diselamatkan dalam bulan Ogos 1718. Bendahara Tun Abdullah telah mengiringi keluarga diraja Johor itu ke Melaka di mana mereka tinggal sehingga tahun 1721, apabila mereka dibawa ke Pahang untuk menyertai Sultan Abdul Jalil yang berada di sana.

Semasa Bendahara Tun Abdullah ke Melaka mengiringi keluarga diraja itu, Daing Marewah telah menemui Raja Kecil dan membuat perjanjian dan persetujuan untuk bersama-sama mengembalikan Sultan Abdul Jalil yang berada di Terengganu ke takhta kerajaan sebagai Sultan Johor. Selepas mencapai persetujuan itu Daing Marewah telah belayar ke Johor untuk melaksanakan perjanjian itu. ‘Perdamaian’ berdasarkan perjanjian itu, kekal hanya untuk suatu jangka masa yang singkat. Dalam bulan September 1718 orang Minangkabau telah menjalankan kegiatan ‘melanun’, perbuatan yang pada pendapat Belanda di Melaka digalakkan sendiri oleh Raja Kecil, ke atas kapal-kapal yang berdagang dengan Melaka. Motif pelanun ini adalah tindak balas Raja Kecil terhadap Belanda. Raja Kecil menganggap dan percaya bahawa Belanda telah membekal dan melengkapkan alat senjata kepada orang Bugis yang diperolehi melalui atau hasil daripada perdagangan bijih timah, untuk menentangnya. Raja Kecil juga menyatakan kepada Duta Belanda, Aldorp yang dihantar menemuinya di Pulau Gontong dalam bulan yang sama, bahawa orang Bugis telah tidak mene-

SEJARAH LINGGI

pati janji dalam soal memulihkan semula kerajaan Johor dan mendaulatkan semula Sultan Abdul Jalil. Orang Bugis sebaliknya telah melakukan tindakan pembunuhan dan membakar beberapa tempat penting sekitar Bengkalis. Kepada Belanda beliau berjanji akan memulangkan segala barang ‘rampasan’ dan berharap akan terus mempunyai perhubungan baik dengan Melaka.


Aldrop juga telah menemui Daing Marewah yang ketika itu tinggal di Pulau Bulang. Dalam pertemuan itu, Aldorp mendapat tahu bahawa Daing Menompok berasa sangat marah terhadap Bendahara Tun Abdullah kerana menandatangani suatu perjanjian berasingan dengan Daing Marewah (mungkin pada awal ekspedisi, sekitar bulan Julai 1718) tanpa kebenaran dan di luar pengetahuannya. Sebagai tindak balas beliau dengan satu angkatan Bugis telah melakukan beberapa serangan ke atas Muar dan kawasan sekitarnya. Untuk menyelesaikan permasalahan dan meredakan kemarahan Daing Menompok, Bendahara terpaksa membayar 600 *riksdaalders* kepadanya. Bagaimanapun, tawaran damai ini tidak pula menghalang orang Bugis daripada melakukan pencerobohan selanjutnya ke atas wilayah-wilayah Johor (Andaya, 1975:284; 1987:376–7).

KUALA LINGGI ‘PENJAGA’ PERAIRAN SELAT MELAKA

Semasa dalam keadaan ‘berperang’ dengan Raja kecil, Daing Marewah telah menjadikan Pulau Bulang sebagai pangkalan sementaranya. Beliau tinggal di sana sehingga Raja Kecil pulang, akibat kemungkinan diserang oleh Baginda Sultan (Sutan) Maharaja,⁷ balik ke Riau kira-kira pada akhir tahun 1719 untuk mendapat perlindungan di kalangan rakyat yang paling dipercayainya, iaitu Orang Laut. Raja Kecil telah menjadikan Riau tempat kediamannya dan beliau menjadi seorang pemerintah yang berkuasa. Riau telah dijadikannya sebuah pulau perkubuan yang dianggap oleh Belanda sebagai tidak boleh ditembusi kecuali jika Orang Laut—yang beberapa orang daripada pemimpinnya telah dihukum tikam dengan keris atas perintahnya—berpaling tадah menentangnya. Setelah Raja Kecil pulang ke Riau dan memperkuuhkan kekuatannya,⁸ Daing Marewah telah meninggalkan Pulau Bulang kerana pangkalan itu mudah diserang musuh, khususnya Raja Kecil. Beliau telah balik ke Kuala Linggi di mana beliau telah memulih dan memperluaskan pula pengaruhnya. Kini, pengaruh dan kuasanya bukan sahaja terhad ke wilayah Kuala Linggi (lihat Peta 9) tetapi juga di kalangan orang Bugis yang tinggal di wilayah Belanda.

Sekembalinya Daing Marewah dari Pulau Bulang dia menggelarkan dirinya Kelana Jaya Putera. Sesetengah orang Bugis di Tanjung Keling, setelah mendapat tahu bahawa Daing Marewah telah balik ke Kuala Linggi, telah berpindah membuat kediaman di situ. Daing Marewah tidak bersetuju dengan tindakan mereka itu. Beliau sendiri telah menghantar mereka

KUALA LINGGI SEMASA PEMERINTAHAN RAJA KECIL



Peta 9 Kawasan pengaruh Daing Marewah sekitar tahun 1719

balik ke Tanjung Keling. Sesampainya Daing Marewah ke Tanjung Keling, sebahagian daripada penduduk Bugis di situ telah menyatakan hasrat mereka untuk berpindah pula ke Sungai Baru yang terletak di bawah pengaruh Daing Marewah. Beliau tidak bersetuju dengan hasrat mereka itu, dan memujuk serta menasihatkan supaya jangan berbuat begitu kerana berpindah bermakna meninggalkan ladang dan kebun yang sudah diusahakan.

SEJARAH LINGGI

Selain daripada sebab yang dinyatakan, kehadiran Daing Marewah di Tanjung Keling mempunyai sekurang-kurangnya dua matlamat lain. Satu daripadanya adalah tentang berita angin yang kononnya disebarkan oleh ketua Bugis di situ, yang menyatakan bahawa Daing Marewah telah membunuh orang tertentu. Keduanya, beliau ingin menegaskan kekuasaan di kalangan orang Bugis di kawasan tersebut.

Dalam mencapai matlamat pertama itu Daing Marewah telah meminta supaya ketua orang Bugis berkenaan mengaku memainkan peranan menyebarkan berita angin itu. Apabila dihadapkan dengan tuduhan-tuduhan tersebut dia telah mengamuk. Melihat keadaan itu, Daing Marewah telah memerintahkan supaya dia ditangkap dan kemudian dibunuh. Dengan terbunuhnya ketua itu, Daing Marewah telah melantik seorang ketua baru, pilihannya sendiri yang akan melaksanakan segala kehendaknya; dan ini adalah selari dengan matlamatnya yang kedua. Perlantikan seorang ketua yang dipersetujui oleh Daing Marewah bererti kesetiaan orang Bugis di Tanjung Keling terhadapnya adalah terjamin. Untuk menjamin keberkesanan kekuasaan dan pengaruhnya, Daing Marewah telah menguatkuasakan satu undang-undang baru bagi penduduk di situ (Andaya, 1975:289; 1987:383).

Apa yang dilakukan oleh Daing Marewah ini adalah suatu usaha untuk memperkuatkuarkan kedudukannya di wilayah-wilayah yang didiami oleh orang Bugis tanpa mengira di mana mereka berada, walaupun di wilayah Belanda. Beliau amat memerlukan sokongan penuh daripada pelbagai masyarakat Bugis yang tinggal di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Daing Marewah mahu memastikan bahawa kawasan-kawasan ini akan tetap taat setia kepadanya dalam sebarang peperangan dengan orang Minangkabau, atau orang Johor, Belanda atau pemimpin Bugis yang lain. Beliau telah mengambil masa lebih kurang setahun untuk mencapai matlamat tersebut.

Dengan kalahnya Johor pada tahun 1718, tidak ada kerajaan Melayu di Selat Melaka yang muncul untuk mengisi kekosongan sebagai pengawal lalu lintas dagang di selat itu. Orang Bugis telah mengambil kesempatan daripada kelemahan kerajaan Johor ini untuk mengisi kekosongan tersebut. Dengan berpangkalan di Kuala Linggi mereka telah menjadikan perairan di kawasan antara Melaka dan Bernam amat bahaya bagi perkапalan. Orang Bugis di bawah pimpinan Daing Marewah begitu yakin dan menjadikan mereka berani menceroboh dengan berleluasa di laut sehingga ke tembok kota Melaka. Mangsa serangan orang Bugis di perairan Selat Melaka bukan sahaja orang tempatan dan para pedagang lain tetapi kapal-kapal peronda Belanda. Di samping berkuasa di perairan Selat Melaka, mereka juga telah melakukan keganasan di darat. Tindakan agresif orang Bugis menyebabkan nelayan dan peladang yang tinggal di sekitar wilayah Bugis berada dalam keadaan ketakutan sehingga mengakibatkan Melaka kekurangan makanan.

Sebahagian daripada harta rampasan itu telah dihantar kepada Raja Bone, toSappewali, di Sulawesi sebagai hadiah dan tanda mengakui kekuasaan baginda. Sebagai balasan baginda telah mengirim seramai 80 orang pejuang untuk membantu Daing Marewah menghadapi musuhnya di Kuala Linggi. Kedatangan tentera Raja Bone telah memperkuatkan lagi kedudukan Daing Marewah. Dengan demikian, menjelang pertengahan tahun 1719 kerajaan Johor telah terbahagi kepada tiga pusat, iaitu Kuala Linggi, Selangor dan Kelang di bawah kuasa Daing Marewah dan Daing Menompok; Siak, Bengkalis dan Batu Bara di bawah Raja Kecil, dan Terengganu dan Pahang di bawah Sultan Abdul Jalil Johor. Johor dan Riau telah kehilangan kepentingannya kerana ketiadaan seorang raja di sana.

Walaupun diganggu berkali-kali malahan dapat dikatakan ‘dicabar’ oleh orang Bugis namun Belanda masih belum mahu melakukan sebarang tindak balas agresif terhadap kegiatan Daing Marewah dan orang Bugis di perairan Selat Melaka. Mereka hanya menulis sepucuk surat kepada Sultan Abdul Jalil yang ketika itu berada di Terengganu meminta agar baginda menahan tindakan orang Bugis itu. Sultan Abdul Jalil dalam jawapannya memberitahu Melaka bahawa beliau tidak dapat berbuat apa-apa kerana terhutang budi kepada Daing Marewah dan orang Bugis yang telah banyak membantu baginda dan sangat mengambil berat tentang dirinya. Baginda hanya dapat menyatakan rasa dukacitanya mendengarkan berita tentang tindakan-tindakan yang tidak patut dilakukan oleh Daing Marewah dan pengikut-pengikutnya. Walaupun menerima jawapan sebegini rupa daripada Sultan Abdul Jalil, Belanda masih belum mahu melakukan sebarang tindak balas ke atas Kuala Linggi dan Daing Marewah. Negeri-negeri Melayu, dan mungkin juga Belanda (yang menyebabkan mereka tidak bertindak balas terhadap ‘keganasan’ orang Bugis itu) menyedari bahawa musuh dan ancaman utama Daing Merewah adalah Raja Kecil.

Perang antara kedua-dua orang pemimpin ini tidak dapat dielakkan, hanya menunggu masa sahaja untuk meletus. Justeru itu, Belanda terutamanya, hanya menunggu masa agar kedua-dua kuasa tersebut memusatkan antara satu dengan lain. Di samping itu Belanda juga harus berhati-hati apabila menjalankan tindakan ke atas Kuala Linggi dan pemimpin Bugis di situ kerana tidak mahu, demi kepentingan mereka di Kepulauan Rempah, mengeruhkan perhubungan dengan kerajaan Bone. Sebagaimana dinyatakan, pihak Belanda di Melaka mengetahui akan hubungan rapat yang wujud antara Daing Marewah dengan kerajaan Bone di Sulawesi. Justeru itu, berperang dengan Kuala Linggi dan Daing Marewah bermakna menyakiti hati pemimpin Bone terutama Ketua Menterinya yang terkenal kerana bencikan Belanda.

SEJARAH LINGGI

PERANG RAJA KECIL-LINGGI 1721

Tanda awal tentang perang yang akan berlaku itu timbul pada sekitar bulan Februari 1721. Pda 24 Februari 1721 Datuk Seri Raja Merah, Penghulu Naning telah memberitahu pihak Belanda melalui sepucuk surat bahawa pihak Bugis telah meminta izin daripadanya untuk melalui kawasan Naning untuk mara ke Rembau. Berita yang sama telah sampai ke pergetahuan Raja Kecil. Apabila beliau mendengar berita itu dia telah memberi ingatan kepada Melaka bahawa jika pihak Belanda membenarkan orang Bugis melalui kawasan mereka (Naning) Belanda akan dianggap sebagai musuh oleh pihak Minangkabau.

Pada 28 Februari 1721 Daing Marewah telah mendapat berita bahawa suatu angkatan perang Raja Kecil telah pun sampai ke Batu Pahat. Tujuan angkatan perang tersebut adalah suatu usaha Raja Kecil untuk merampas jalan lalu lintas (Sungai Penajih [Lingga]) dan kawasan bijih timah (yang terletak di pedalaman Sungai Penajih dan Selangor) yang dikuasai oleh Daing Marewah. Pintu masuk ke kawasan-kawasan tersebut, terutama sekali ke hulu Sungai Penajih adalah Kuala Linggi. Ini bererti sesiapa yang berkuasa di Kuala Linggi menguasai perjalanan dan perdagangan bijih timah dari wilayah Rembau dan Sungai Ujong serta dari kawasan Selangor dan Kelang.

Ketika menerima berita tersebut Daing Marewah sedang berada di Batang Tiga kerana membeli beberapa ekor kerbau untuk majlis berkhatan anak lelakinya. Beliau tergesa-gesa menaiki perahu dan balik ke Kuala Linggi untuk membuat persiapan perang. Daing Maewah telah mengutus sepucuk surat kepada pihak Belanda yang mereka terima pada 5 Mac 1721, memberitahu tentang kemungkinan berlakunya peperangan antara beliau dengan Raja Kecil. Di samping itu, dengan penuh yakin Daing Marewah yang menggunakan gelaran Kelana Jaya Putera, juga memberitahu dan mengumumkan kepada Belanda bahawa wilayah yang merentang antara Melaka hingga ke Bernam adalah di bawah pengaruh dan kuasanya (Andaya, 1975:289–90; 1987:383–4).

Pada 14 Mac 1721 Kuala Linggi telah diserang dari dua penjuru, iaitu darat dan laut oleh angkatan Minangkabau-Johor. Sekali lagi orang Bugis membuktikan keberanian, kenekatan dan semangat berjuang mereka. Dengan mudah mereka telah berjaya mengalahkan angkatan perang Minangkabau tersebut. Mereka telah memburu orang Minangkabau dan Johor yang berundur itu hingga ke Melaka dan kemudian pulang semula ke Kuala Linggi. Kejayaan Daing Marewah dan orang Bugis mempertahankan Kuala Linggi daripada ditakluk oleh satu angkatan perang yang besar ini telah menambah lagi keyakinan Daing Marewah.

Ada dua faktor utama yang mungkin menjadi penentu kepada kemenangan Daing Marewah. Pertama adalah disebabkan berlakunya pem-

KUALA LINGGI SEMASA PEMERINTAHAN RAJA KECIL

belotan di kalangan beberapa orang pemimpin perang angkatan Minangkabau-Johor pada masa serangan pertama sedang memuncak. Ini memaksa Laksamana Johor untuk memberhentikan tindakan menyerang dan membatakan rancangan serangan untuk kali kedua. Faktor kedua adalah disebabkan oleh kehadiran seramai 80 orang pejuang tambahan yang dihantar oleh Raja Bone untuk membantu Daing Marewah. Kehadiran mereka telah menambah dan meninggikan lagi semangat perjuangan di kalangan orang Bugis.

Keputusan peperangan ini telah dilaporkan oleh Daing Marewah kepada pihak Belanda di Melaka melalui sepucuk surat yang bertarikh 15 April 1721. Dalam surat tersebut beliau telah menekankan tentang keyakinannya terhadap Belanda (yang tidak memihak kepada Minangkabau-Johor) dan pemerintah Bone, toSappewali (yang telah memberinya bantuan ketenteraan). Besar kemungkinan Daing Marewah telah juga melaporkan keputusan peperangan itu kepada pemerintah Bone kerana dalam bulan September 1721, beliau telah menerima sepucuk surat daripada toSappewali menyatakan tentang kepercayaan baginda terhadap Daing Marewah melindungi orang Bugis di Semenanjung Tanah Melayu. Di samping itu, toSappewali juga melahirkan harapannya agar orang Bugis di Kuala Linggi dan Selangor akan terus hidup dengan aman. Hubungan rapat antara Daing Marewah dengan istana (kerajaan) Bone ini berterusan. Ini terbukti pada akhir tahun 1721. Pada 16 Disember tahun tersebut Daing Marewah telah menghantar 50 orang hamba sebagai suatu pemberian atau ufti kepada pemerintah Bone yang baru, Ratu Batari Toja (Andaya, 1975:291; 1987:386).

Angkatan tentera kerajaan Bone yang membantu peperangan pada bulan Mac 1721 ini sebenarnya bukan dihantar oleh toSappewali, tetapi atas perintah Ketua Menteri kerajaan Bone. Ketua Menteri itu sangat berkuasa dalam kerajaan Bone, dan tidak seorang pun yang boleh menemui pemerintah, tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripadanya. Semasa hayatnya beliau adalah sumber pertolongan yang penting bagi Daing Marewah dan penentang Belanda yang gigih. Beliau telah meninggal dunia pada 3 Februari 1722. Ini bermakna, Daing Marewah telah kehilangan seorang penyokong kuat dari istana dan kerajaan Bone.

BUGIS MENAKLUKI RIAU (1721)

Pada sekitar bulan November 1721 Sultan Abdul Jalil telah mati dibunuh atas perintah Raja Kecil di Kuala Pahang⁹ (Andaya, 1975:292; 1987:387). Dalam pemerihalan kejadian yang berikut selepas peristiwa ini, terutama yang berkaitan dengan daing-daing dan Kuala Linggi, terdapat beberapa ketidaksamaan data antara laporan Belanda dan catatan pencejarahan setempat. Dalamuraian berikut, untuk menjadi dasar penyelidikan dan

penelitian akan datang, diperturunkan rentetan kejadian berkenaan mengikut kedua-dua sumber tersebut.

Fakta daripada Sumber Setempat

Ada beberapa sumber setempat yang mengisahkan dan menyentuh tentang peristiwa ini. Antara yang sering digunakan ialah *Tuhfat al-Nafis*, *Silsilah Melayu dan Bugis*, *Hikayat Siak*, *Hikayat Johor*, dan *Hikayat Johor serta Pahang*. Sumber-sumber sejarah setempat ini, jikalau dilihat dengan teliti mengemukakan fakta dan data-data yang tidak seragam. Penulis-penulis sejarah setempat, seperti Buyung Adil dan Shaharom Hussain dalam penulisan mereka tentang orang Bugis banyak menggunakan sumber setempat tetapi agak kurang peka tentang kelainan ini. Ini berlaku mungkin kerana mereka terlalu bertumpu kepada satu atau dua sumber sahaja, iaitu *Tuhfat al-Nafis* dan/atau *Silsilah Melayu dan Bugis* yang ditulis oleh keluarga Yamtuan Muda Bugis. Mereka kurang meneliti dan membandingkan fakta daripada karya tersebut dengan fakta karya ‘sejarah’ tulisan penulis bukan Bugis seperti *Hikayat Siak*.

Menurut sumber pencejarahan versi setempat melainkan *Hikayat Siak*, Raja Sulaiman selepas ayahnya, Sultan Abdul Jalil dibunuh (oleh Laksamana Nakhoda Sekam), telah dibawa kembali ke Riau dari Pahang. Setelah tinggal di Riau selama enam tahun (*Hikayat Johor*, 1932:2), oleh sebab kebenciannya terhadap Raja Kecil dan orang Minangkabau begitu memuncak, Raja Sulaiman dan Bendahara¹⁰ memutuskan untuk mengirim sepucuk surat kepada daing Bugis lima bersaudara, iaitu Daing Parani, Daing Menambun, Daing Marewah, Daing Cellak dan Daing Kamase, memohon bantuan mereka untuk menakluki semula Riau¹¹ (*Tuhfat al-Nafis*, 1982:-69; 1991:199). Surat tersebut telah diamanahkan kepada seorang pengikut setianya (biduanda) untuk disampaikan kepada daing-daing tersebut.

Setelah mencari khabar di mana daing-daing itu berada, akhirnya diketahui bahawa mereka sedang berada di Matan¹² (Kalimantan). Setelah bertemu, surat itu telah diserahkan kepada Daing Parani dan selepas membacanya dia menjadi marah. Saudara-saudaranya yang lain juga telah menunjukkan tindak balas yang serupa selepas membaca surat berkenaan. Kelana Jaya Putera (Daing Marewah) telah mengisyitiharkan bahawa jika dia berjaya menakluk Riau dan wilayah-wilayah naungannya, dia akan menyerahkannya kepada Raja Sulaiman. Mereka kemudian telah bersumpah menyatakan taat setia mereka kepada Raja Sulaiman. Selepas membuat persiapan, daing lima bersaudara itu dengan diiringi oleh Daing Masuro dan Daing Menompok (serta Daing Manto mengikut catatan *Silsilah Melayu dan Bugis*, 1975:65; 1984:58) telah belayar ke Riau. Angkatan perang Bugis itu terdiri daripada tujuh buah perahu besar, penjajab,¹³ beberapa perahu kecil dan sampan serta lebih kurang

KUALA LINGGI SEMASA PEMERINTAHAN RAJA KECIL

seribu orang pejuang (*Tuhfat al-Nafis*, 1982:69–71; 1991:199–201).

Sesampainya mereka di Riau, angkatan perang Bugis itu telah berhenti di Pulau Pengujan di mana mereka membuat perkubuan dan persiapan terakhir. Apabila Raja Kecil mengetahui tentang kehadiran dan tujuan angkatan Bugis itu, baginda pun melancarkan serangan. Setelah serangan selama sehari semalam, angkatan Raja kecil tewas. Raja Kecil telah berundur ke Pulau Bayan. Pihak Bugis terus mengikutinya dan telah membuat kubu di Tanjung Pinang. Selepas berperang selama dua hari angkatan Raja Kecil telah tewas dan Raja Kecil lari ke Siak (*Silsilah Melayu dan Bugis*, 1973:66; 1984:58–9). Menurut *Tuhfat al-Nafis* yang memberikan gambaran lebih terperinci, selepas Raja Kecil kalah di Pulau Bayan, baginda cuba mudik ke Tanjung Ungkat tetapi gagal sebab dihalang oleh pihak Bugis. Dengan demikian, Raja Kecil telah berundur ke Pulau Penyengat. Semasa Raja kecil berada di Pulau Penyengat tentera Minangkabau masih bertempur di Pulau Bayan dan pada ketika itu hujan pun turun dengan ‘lebat, sabur-menyalur’. Sekali lagi orang Minangkabau telah kalah. Daing-daing Bugis itu telah memburu dan mengusir Raja Kecil dari Pulau Penyengat. Beliau telah meninggalkan pulau tersebut dan belayar ke Lingga. Dengan itu Riau pun jatuh ke tangan orang Bugis (*Tuhfat al-Nafis*, 1982:71–3, 1991:201–3). Selepas perang tamat daing-daing itu pun meminta izin daripada Raja Sulaiman untuk pulang ke Selangor dan Langat.

Semasa Daing Parani berada di Selangor, menurut *Tuhfat al-Nafis* (1982:74, 1991:205) dan *Silsilah Melayu dan Bugis* (1973:69; 1984:69) orang Bugis terus memburu Raja Kecil yang telah berundur ke Lingga.

Apabila bertemu kedua-dua angkatan tersebut lalulah berperang. Maka alah Raja Kecil, lalu lari selat-menyalat sebelah Lingga. Maka tiadalah terikut oleh Bugis kerana ia belum tahu akan selat-menyalat di sebelah Lingga. Kemudian maka musyawarahlah sama-sama Bugis itu, lalulah pergi mendapatkan opu-opu di Selangor memaklumkan hal ehwal Raja Kecil tiada terikut olehnya, sebab kerana ia tiada tahu akan selat-selat itu.

(*Tuhfat al-Nafis*, 1982:74)

Raja Kecil kemudian telah ‘lari balik’ semula ke Riau dari Lingga. Pada ketika itu, Raja Sulaiman tiada di Riau kerana pergi ke Pahang mencari bantuan kelengkapan pada Bendahara Pekok (Shaharom Husain, 1995:33). Sesampainya di Riau, Raja Kecil telah berbuat baik dengan orang Riau. Beliau dengan segera telah memperkuat pertahanan dan membina beberapa buah kubu di tempat-tempat yang strategik.

Hikayat Siak (1992:130–2) memberikan laporan yang agak berbeza daripada huraian tersebut. Mengikut hikayat ini Raja Sulaiman, selepas peristiwa pembunuhan ayahnya di Pahang telah ‘lari ke hulu Pahang, mendapatkan saudaranya Bendahara Pekok’¹⁴ (1992:130). Baginda datang ke Riau bersama Daing Parani setelah ‘satu tahun’ Raja Kecil menjadi

SEJARAH LINGGI

sultan di sana.¹⁵ Dalam perang yang berikutnya, Raja Kecil telah tewas dan berundur ke Lingga dengan diikuti oleh orang Bugis. Di Lingga beliau telah dikepung oleh orang Bugis, tetapi telah ‘lepas keluar, lalu baginda belseyar ke Riau’. Sesampai di Riau Raja Kecil telah melakukan serang balas ke atas pihak Bugis yang berada di sana. Setelah berperang beberapa hari maka ‘baginda (Raja Kecil) pun melanggar Daing Parani. Maka Daing Parani pun tiada boleh tahan, lalu belseyar ke Selangor.¹⁶ *Hikayat Johor serta Pahang* pula memberikan versi cerita yang berlainan sedikit tentang peristiwa ini. Menurut hikayat tersebut;

... Tiada berapa lama Sultan Sulaiman berpindah duduk di Riau, maka pada suatu masa dilanggar pula oleh Raja Kecil. Apabila kalah Sultan Sulaiman berundur ke Pahang, anak angkatnya Opu Daing Marewah¹⁷ undur ke Selangor.

(Fauzi Basri, 1983, 1983:45).

Dengan kembalinya Raja Kecil ke Riau itu menurut *Hikayat Siak* (1992:132), Kuala Linggi berada di bawah perintahnya. Daing-daing Bugis di Selangor, setelah mengetahui bahawa Riau berada semula di bawah kuasa Raja Kecil, telah membuat persediaan untuk melanggar Riau sekali lagi. Untuk mencapai matlamat tersebut, mereka bercadang melanggar Kuala Linggi terlebih dahulu kerana di sana ‘banyak penguasaan Raja Kecil’. Setelah putus muafakat maka Kuala Linggi pun diserang.

Selain daripada tujuan yang dinyatakan, punca peperangan di Kuala Linggi adalah disebabkan oleh penghulu Kuala Linggi telah menganiaya nelayan-nelayan Bugis yang menangkap ikan dengan memasang belat di kawasan Kuala Linggi. Penghulu Kuala Linggi telah memaksa mereka membayar cukai kepadanya. Oleh sebab perbuatan itu, Daing Marewah yang pada masa itu berada di Selangor telah berasa marah. Dengan bantuan orang Bugis di Selangor, daing-daing Bugis lima bersaudara itu bersama dengan Daing Menompok telah menyerang Kuala Linggi. Penghulu Kuala Linggi dengan perintah Raja Kecil telah mengerahkan anak-anak buahnya mendirikan beberapa buah kubu untuk menahan serangan pihak Bugis. Oleh sebab tiada bantuan daripada Raja Kecil, Kuala Linggi telah tewas. Kemudian, Penghulu Kuala Linggi telah membuat helah untuk berdamai buat sementara. Dalam masa perdamaian itu, pihak Kuala Linggi telah mengutus surat meminta bantuan daripada Raja Kecil. Apabila angkatan perang bantuan Raja Kecil sampai di sana, peperangan meletus semula.¹⁸ Peperangan ini telah berlaku di air (di Selat Melaka dan di kuala Sungai Penajih) dan di darat wilayah Kuala Linggi (Buyung Adil, 1990: 111–12); Shaharom Husain, 1995:33–4).

Hikayat Johor serta Pahang pula memberikan laporan yang agak berbeza, terutama tentang personaliti yang ‘teraniaya’, sebab penganiayaan dan bagaimana perang itu berlaku. Yang dianiaya, bukannya nelayan tetapi adalah Daing Marewah sendiri. Perang antara Bugis dengan orang

Kuala Linggi itu berlaku serta-merta. Berkaitan dengan peristiwa ini *Hikayat* ini melaporkan:

... Opu Daing Marewah mengambil kayu di Linggi hendak membuat kelong dilarang oleh orang Linggi tidak dipakainya dan dilawannya orang Linggi berkelahi. Maka orang Linggi pun persembah pada Raja Kecil di Riau menyatakan opu anak angkat Sultan Sulaiman membuat kacau di Linggi. Maka apakala Raja Kecil mendengar itu, ia pun pergi ke Linggi lalu berjumpa dengan opu di Laut Linggi lalu berkelahi; ketika berkelahi opu undur ke Sungai Linggi.

(Fawzi Basri, 1983:45)

Semasa berperang menentang Raja kecil di Kuala Linggi, daing-daing Bugis telah merancang menggunakan tipu helah untuk menawan Kuala Linggi dan juga Riau. Untuk mencapai matlamat ini angkatan perang Bugis telah berpecah dua. Satu pasukan di bawah pimpinan Daing Marewah, Daing Parani dan Daing Cellak berserta dengan Daing Menompok dengan kekuatan 20 buah perahu ghurab Bugis, telah berundur perlahan dari medan pertempuran, seolah-olah kalah, ke arah kuala Sungai Penajih. Apabila malam, pasukan pertama itu akan terus belayar ke Riau dan mengambil alih kuasa di sana. Sedangkan Raja Kecil akan terus berperang dengan pasukan Bugis yang lagi satu di Kuala Linggi. Perang ini berakhir dengan kekalahan pada pihak Raja Kecil, dan ini bererti Kuala Linggi dan Riau jatuh ke tangan Bugis dalam tempoh masa lebih kurang sama.¹⁹ Setelah kalah, Raja Kecil telah balik ke Siak (Shaharom Husain, 1995:34). Walau bagaimanapun, mengikut *Hikayat Johor serta Pahang*, Raja Kecil telah cuba menawan semula Riau, tetapi ‘apabila dekat dengan Riau, di tembak oleh opu-opu, maka Raja kecil pun tiada boleh hampir ke darat lalu balik ke Siak’ (Fawzi Basri, 1983:45). Penghulu Kuala Linggi pula:

... apabila sudah dilihatnya kelengkapan Raja Kecil sudah belayar ke Siak, maka penghulu Linggi itu pun tunduklah kepada Bugis, maka dapatlah Linggi kepada tangan opu-opu itu. Maka bersetialah dan berjanji penghulu Linggi dengan Raja Bugis tidak menderhaka kepada raja Bugis. . . .

(*Tuhfat al-Nafis*, 1991:210–11).

Selepas perang itu tamat, orang Bugis pun meninggalkan Kuala Linggi (Buyung Adil, 1980:113); ada yang balik ke Langat dan Selangor, dan yang selebihnya belayar mengikut daing-daing pergi ke Riau. Kedua-dua sejarawan setempat ini tidak menjelaskan sama ada sebilangan orang Bugis tinggal dan membuat perkampungan di Kuala Linggi, ataupun tidak.

Fakta dari Sumber Belanda

Menurut sumber Belanda (Andaya, 1975, 1987), setelah menghapuskan ancaman yang bakal ditimbulkan oleh bekas pemerintah Johor di Pahang,

SEJARAH LINGGI

Raja Kecil telah menumpukan perhatiannya untuk menghapuskan orang Bugis di Kuala Linggi. Beliau telah mengirim sebuah angkatan perang yang mengandungi 100 buah kapal di bawah perintah Laksamana. Pertempuran ini telah berlangsung untuk tiga hari, dan berakhir dengan kemenangan di pihak Kuala Linggi.

Kali ini, Daing Marewah dan Daing Menompok berserta dengan satu angkatan perang terdiri daripada 50 buah kapal, tidak hanya mengejar tentera Raja Kecil sehingga ke Melaka, seperti yang mereka lakukan dalam perang bulan Mac 1721, tetapi telah memburu Raja Kecil sehingga ke Riau. Apabila sampai di Pulau Pengujan, angkatan Kuala Linggi telah diserang oleh angkatan Raja Kecil. Pertempuran di sini juga memihak kepada angkatan Bugis Kuala Linggi. Orang Minangkabau terpaksa berundur lari memudiki sungai. Orang Bugis telah mendirikan perkubuan di Tanjung Pinang dan Tanjung Montoy di mana mereka menunggu ketibaan angkatan orang Minangkabau yang akan menghilir semula ke muara. Dua hari selepas kubu-kubu itu didirikan, barulah angkatan Minangkabau datang menyerang. Oleh sebab serangan mereka kuat sekali, pertahanan orang Bugis telah tewas dan semua orang Bugis telah melaikkan diri kecuali lima buah kapal di bawah pimpinan Daing Marewah, toTalib, toAssa dan Haji Sore (dan Daing Menompok?).

Kelima-lima buah kapal tersebut telah meneruskan peperangan yang tidak seimbang lagi itu. Dalam masa pertempuran itu suatu ribut telah turun dengan angin yang amat kencang, disertai dengan hujan lebat, petir dan kilat sabung-menyabung²⁰ menyebabkan orang Minangkabau tidak dapat mengawal kapal-kapal mereka. Dalam suasana kelam-kabut itu seorang pemimpin Minangkabau, iaitu Panglima Putih telah ditembak mati dan kapalnya ditawan oleh orang Bugis. Oleh sebab orang Minangkabau tidak lagi dapat mengendalikan kapal-kapal mereka akibat ribut tersebut, mereka telah meninggalkan medan pertempuran itu. Kelima-lima buah kapal Bugis itu telah belayar mudik ke hulu Sungai Riau. Kapal-kapal tersebut telah diikuti oleh kapal-kapal Bugis lain yang telah berundur pada awal pertempuran, iaitu ketika hujan dan ribut sedang melanda. Semasa memudiki Sungai Riau menuju ke arah pusat negeri, mereka tidak mendapat sebarang tentangan daripada orang Minangkabau. Dengan itu Riau telah jatuh ke tangan orang Bugis. Raja Kecil telah berundur dan membuat pertahanan di Pulau Bayan di muara Sungai Riau bersama Laksamana yang ditemuinya semasa merentasi Tanjung Ujung. Pertahanan di Pulau Bayan ini juga telah dirobohkan oleh angkatan Bugis. Raja Kecil dan angkatannya telah berundur pula ke Lingga di mana mereka terselamat kerana orang Bugis tidak faham selok-belok perairan Selat Lingga (Andaya,²¹ 1975:292, 1987:388).

Perbandingan Fakta Penaklukan Riau

Daripada huraian di atas jelas bahawa secara terperinci terdapat sedikit kelainan di antara dua versi pencejarahan tersebut. Selain daripada perbeaan bagaimana sesuatu peristiwa itu terjadi, kelainan utama dan penting yang perlu diambil perhatian adalah sebab mengapa orang Bugis menyerang, kemudian menakluki dan seterusnya menjadi tuan di Riau. Menurut sumber setempat, penaklukan itu adalah atas undangan khusus daripada Raja Sulaiman dan Bendahara Johor melalui sepucuk surat. Mereka menjemput kelima-lima putera Bugis bersaudara itu adalah atas sebab ‘kebencian yang memuncak’ mereka terhadap Raja Kecil dan orang Minangkabau. Dengan kata lain, Bugis menakluk Riau bukan atas inisiatif putera-putera Bugis itu sendiri tetapi kerana dipinta berbuat begitu dengan menjanjikan ganjaran dan hadiah.

Laporan Belanda pula membayangkan punca yang berlainan. Penaklukan Bugis itu merupakan episod penutup kepada suatu siri peperangan yang bermula dengan serangan orang Minangkabau ke atas Kuala Linggi, pada awal tahun 1721. Pada penghujung tahun tersebut, selepas satu sesi peperangan sengit yang berlangsung beberapa hari, orang Minangkabau telah berundur pulang ke Riau. Pengunduran ini dianggap oleh orang Bugis sebagai suatu kesempatan yang tidak patut disia-siakan seandainya mereka mahu memusnahkan seluruh kekuatan atau sekurang-kurangnya dapat membinasakan sebahagian penting angkatan perang (angkatan laut) Minangkabau itu. Dengan demikian, mereka telah memburu angkatan orang Minangkabau sehingga ke Riau dan akhirnya berjaya mengalahkan dan memaksa Raja Kecil ‘lari’ dari Riau.

Peristiwa yang berlaku selepas Raja Kecil berundur dari Riau itu menjelaskan lagi perbeaan fakta tujuan yang dinyatakan. Sumber setempat menyatakan selepas sahaja perang ‘tamat’, daing-daing Bugis tersebut telah melantik dan menabalkan Raja Sulaiman sebagai Yang Dipertuan Besar atau Sultan bagi kerajaan Johor-Riau-Lingga-Pahang serta daerah takluknya, dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Perlantikan ini telah dilaksanakan pada 4 Oktober 1722 (Buyung Adil, 1980:114). Tegasnya pengambilalihan kuasa selepas perang tamat telah berjalan dengan lancar. Namun, mengikut laporan Belanda, untuk lima hari selepas perang tamat, orang Bugis telah melanda Riau. Mereka telah merompak dan membunuh semua orang Minangkabau. Apabila mereka ‘telah puas mengamuk, mereka menabalkan Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil yang terbunu, menjadi pemerintah Johor, dengan Tun Abas sebagai Bendahara’ (Andaya, 1975:292-3, 1987:388).

Satu lagi fakta berbeza yang menyentuh secara langsung dengan pe-

SEJARAH LINGGI

nulisan ini adalah tentang kedudukan dan peranan Kuala Linggi dalam perang tersebut. Sumber setempat menunjukkan bahawa Kuala Linggi hanya merupakan satu kawasan yang tidak sengaja dan secara kebetulan sahaja menjadi punca dan tempat perbalahan, iaitu pencukaian ke atas nelayan-nelayan Bugis. Sebaliknya, sumber Belanda meletakkan Kuala Linggi sebagai kawasan penting yang menjadi wilayah rebutan kedua-dua belah pihak. Kepentingan Kuala Linggi ini adalah kerana kedudukannya yang strategik dari segi perdagangan. Pihak yang menguasai Kuala Linggi bererti berkuasa mengawal lalu lintas di Selat Melaka dan jalan keluar masuk hasil bijih timah dan hasil barang seger dari kawasan pedalaman Sungai Penajih seperti Sungai Ujong, Rembau dan juga Naning. Tegasnya, menurut sumber Belanda, perang di Kuala Linggi itu adalah suatu yang dirancang dengan tujuan menguasai dan berkuasa di wilayah tersebut.

BUGIS DI KUALA LINGGI: MENGIKUT SUMBER SETEMPAT

Pensejarahan setempat, seperti yang dinyatakan, tidak menyebut tentang adanya petempatan orang Bugis di Kuala Linggi. Sumber setempat tidak menyebut kehadiran orang Bugis di sana sebelum tahun 1721. Dalam tahun-tahun sebelum itu mereka hanya digambarkan sebagai ‘tinggal’ di kawasan Selangor dan Langat. Di kedua-dua kawasan terakhir ini juga dikatakan sebagai tempat tumpuan dan kediaman daing-daing Bugis lima bersaudara itu.

Hikayat Siak secara tidak langsung ada menyebut bahawa daing-daing Bugis yang termasyhur itu mula tiba di sekitar Kepulauan Riau kira-kira awal abad ke-18. *Hikayat Siak* (1992:118) menyatakan bahawa “syahadan, ada Raja Bugis, datang dari Bugis, hanyut ke Bangkah Kota (Bangka Kota), bernama Daing Parani dan Daing Cellak”. Pernyataan ini jika diteliti, terutama penggunaan kata ‘hanyut’ seolah-olah menyatakan bahawa itulah buat pertama kalinya daing-daing itu sampai di kawasan tersebut. Di samping itu, *Hikayat Siak* hanya merakamkan secara spesifik dua nama sahaja; dan tidak menyebut, walaupun secara umum, iaitu ‘opu-opu lima bersaudara’, nama-nama daing yang tiga orang lagi. Persoalan yang mungkin timbul berikut dengan huraihan, ini ialah adakah ini bermakna, walaupun telah dinyatakan mereka ‘hanyut’ dari negeri Bugis, bahawa tiga orang daing yang lain, iaitu Daing Marewah, Daing Menambun dan Daing Kamase tidak bersama mereka? Ketidakhadiran ketiga-tiga orang daing itu di Bangka Kota adalah bermaksud mereka telah belayar terlebih dulu ke perairan Selat Melaka, khususnya ke Selangor atau/dan Langat atau mungkin ke Kuala Linggi? Untuk menjawab persoalan ini, kita mungkin mengandaikan, berdasarkan laporan Belanda, bahawa setidak-tidaknya seorang daripada mereka, Daing Marewah telah

KUALA LINGGI SEMASA PEMERINTAHAN RAJA KECIL

berada di Kuala Linggi. Sejauh mana kebenaran andaian ini masih memerlukan bukti yang konkret.

Sumber setempat juga tidak jelas bilakah daing-daing itu sampai ke Langat atau Selangor? *Tuhfat al-Nafis* hanya merakamkan:

... Syahadan di dalam tengah bersiap-siap itu, maka adalah opu-opu anak raja Bugis pun, tiba ke Bengkalis datang daripada mengembara, maka berjumpalah ia dengan Raja Kecil. Maka Raja Kecil pun mengajak opu-opu itu melanggar Johor. Maka opu-opu itu pun berfikir maka tiada berkebetulan dengan timu-timunya. Maka tiadalah ia mau, maka didalihkannya hendak ke Langat, hendak muafakat dengan Bugis di Langat. Maka tiadalah jadi bantu-membantu itu.

(*Tuhfat al-Nafis*, 1982:56)²²

Beberapa interpretasi dapat diajukan berdasarkan petikan di atas antara lain:

1. Frasa 'datang daripada mengembara' itu menggambarkan bahawa sebelum itu daing-daing Bugis berkenaan belum lagi menetap di suatu tempat tertentu. Malahan frasa itu dapat dertiakan sebagai: kedatangan mereka ke Bangkah Kota itu adalah sebahagian daripada 'pengembaraan' mereka.
2. Pada ketika mereka sampai ke Bangkah Kota itu Raja Kecil sedang membuat persiapan perang dan Raja Kecil telah 'mengajak opu-opu itu melanggar Johor'. Kenyataan ini, jikalau dibandingkan dengan laporan Belanda, secara tidak langsung memberikan kita tarikh pertemuan tersebut iaitu mungkin pada sekitar pertengahan akhir tahun 1718.
3. Pelawaan Raja Kecil telah ditolak dengan mengatakan mereka 'hendak ke Langat, hendak muafakat dengan Bugis di Langat'.²³ Ayat ini membolehkan kita mengandaikan bahawa di Langat, pada sekitar tahun 1718, telah ada petempatan orang Bugis yang boleh dikatakan sebagai kawasan yang paling ramai bilangan penduduk Bugisnya.

Daripada perbincangan berdasarkan petikan di atas, andaian yang dapat diutarakan adalah: pada sekitar tahun 1718 Kuala Linggi masih belum di-datangi oleh daing-daing Bugis. Besar kemungkinan juga pada tahun tersebut dan tahun-tahun sebelumnya, di Kuala Linggi masih belum lagi ada perkampungan orang Bugis. Penulis-penulis setempat seperti Buyung Adil (1980, 1981) dan Shaharom Husain (1995) yang banyak menggunakan sumber setempat tradisional sebagai dasar penulisan mereka, juga tidak menyebut adanya petempatan orang Bugis di Kuala Linggi.

Orang Bugis, dalam tahun-tahun tersebut, mungkin telah 'sampai' ke kuala Sungai Penajih (muara di mana Kuala Linggi terletak) tetapi hanya sebagai nelayan. Mereka berkampung di Selangor dan Langat. Penduduk di kawasan Kuala Linggi, sumber setempat tidak menyebut nama suku bangsa mereka, setelah Riau ditawan Raja Kecil (1718) berada di bawah

SEJARAH LINGGI

perintah Raja Kecil. Untuk beberapa tahun, tidak berlaku pertelingkahan antara orang setempat dengan ‘nelayan’ Bugis di kawasan muara sungai itu. Namun, dalam tahun 1721, akibat ‘penganiayaan’ Penghulu Kuala Linggi ke atas nelayan Bugis itu, orang Bugis dari Selangor dan Langat di bawah pimpinan daing lima bersaudara telah datang ke Kuala Linggi untuk membalas dendam kerana penganiayaan itu. Mengikut data daripada sumber setempat inilah kali pertama, iaitu pada sekitar tahun 1721, daing-daing Bugis itu sampai di Kuala Linggi.

Perang ini akhirnya menjadi satu konfrontasi antara daing-daing Bugis dengan Raja Kecil yang berkesudahan dengan Kuala Linggi dan Riau ter-takluk kepada Bugis. Raja Kecil, dari Kuala Linggi, telah lari balik ke Siak. Hanya selepas perang itu tamat baha-rulah Penghulu Kuala Linggi (dan juga penduduk di situ) menyatakan taat setia mereka kepada daing-daing Bugis. Sumber setempat ini juga tidak menyebut secara nyata sama ada selepas perang itu tamat, orang Bugis telah datang membuat kediaman di Kuala Linggi ataupun tidak.

Daripada huraian ringkas ini nyatalah bahawa sumber setempat tidak menyebut tentang adanya petempatan orang Bugis, apatah lagi kehadiran pemimpin Bugis di Kuala Linggi. Apa yang dibayangkan adalah daing-daing tersebut telah tiba di Kuala Linggi pada sekitar akhir tahun 1721. Mereka datang bukannya untuk meneroka petempatan baru dan berkuasa di sana, tetapi sebagai kawasan yang harus dan mesti ditawan.

KUALA LINGGI SELEPAS TAMAT PERANG 1721

Kemenangan Bugis dalam perang 1721 itu merupakan suatu peluang dan kesempatan yang tidak mungkin dilepaskan begitu sahaja oleh Daing Marewah dan saudara-saudaranya. Mereka telah menggunakan peluang tersebut untuk memperkuuh pengaruh dan kekuatan Bugis dalam kerajaan Johor yang pada ketika itu tidak beraja. Untuk memahami struktur kuasa di dalam kerajaan Johor dan pentingnya kedudukan raja yang simbolik itu, beliau telah menabalkan Raja Sulaiman sebagai sultan dan untuk memohon kedudukan Yang Dipertuan Muda atau Raja Muda.²⁴ Dengan demikian, orang Bugis sentiasa berada dan turut serta dalam hal ehwal pentadbiran kerajaan. Sehubungan dengan ini, kedudukan orang Bugis bukan sahaja kuat di Johor, tetapi juga di alam Melayu kerana ia disahkan oleh salah sebuah kerajaan Melayu yang paling berwibawa di kawasan itu.

Perang itu juga telah memecahbelahkan penyokong kuat kerajaan Johor, iaitu Orang Laut,²⁵ yang juga adalah tulang belakang kuasa ketenteraan kerajaan Johor. Apabila Daing Marewah berjaya mengundurkan orang Minangkabau dan merajakan Raja Sulaiman di Riau, sebahagian besar Orang Laut enggan memberikan taat setia mereka kepada raja yang baru itu. Raja Sulaiman juga menyedari tentang perpecahan di kalangan Orang

Laut itu; oleh yang demikian, pada awal tahun 1722, beliau terpaksa bergantung kepada angkatan Bugis dalam usahanya untuk mempertahankan takhta daripada cabaran Raja Kecil. Dengan kata lain, kepada Raja Sulaiman, kehadiran Bugis di istananya adalah sebagai perisai terhadap serangan Raja Kecil dan kepada orang Bugis pula, mereka sanggup mengisi kekosongan akibat paling tадah Orang Laut itu atas tujuan untuk memperkuatkan lagi kedudukan dalam kerajaan Johor, baik dari segi pentadbiran maupun ketenteraan.

Kepada orang Bugis apabila mendapat kedudukan dan berkuasa dalam negeri Johor bererti memudahkan usaha mereka memperluas kepentingan perdagangannya dan barangkali, jika diberi masa, mereka akan memainkan peranan penting dalam ‘negeri baru’ mereka itu (Andaya, 1975:296, 1987:393). Dengan ini sebagai latar belakang, beberapa hari selepas kejatuhan Riau, iaitu pada awal tahun 1722, Daing-daing Bugis telah melantik Raja Sulaiman sebagai sultan dan Daing Marewah menjadi Yang Dipertuan Muda (Yamtuan Muda) dengan gelaran Paduka Seri Sultan Alaudin Syah. Bagaimanapun, oleh sebab ketiadaan peralatan diraja, yang telah diambil oleh Raja Kecil dan dibawanya ke Siak, penabalan rasmi Raja Sulaiman terpaksa ditangguhkan sehingga peralatan itu dapat diambil semula. Selepas upacara perlantikan itu, Daing Marewah telah belayar balik ke Kuala Linggi. Daing Parani berserta 500 orang tentera Bugis sebagai pengikutnya telah tinggal di Riau.

Kepulangan Daing Marewah ke Kuala Linggi selepas perlantikan itu mungkin disebabkan berlakunya pergeseran di kalangan pemimpin-pemimpin Bugis, terutama antara Daing Marewah dengan Daing Menompok. Selepas kejatuhan Riau, Daing Menompok juga telah balik ke Selangor. Di Selangor beliau telah mendapat sokongan daripada toTalip, Syahbandar Bugis di sana. Dengan demikian, secara tidak langsung telah terdapat dua puak di kalangan orang Bugis di Semenanjung Tanah Melayu. Walau bagaimanapun antara kedua-dua puak itu tidak ada konfrontasi ataupun konflik terbuka.

Daing Menompok sejak awal kedatangannya ke Kuala Linggi pada sekitar tahun 1711, adalah seorang pemimpin yang mempunyai pengikutnya sendiri dan pernah bersaingan dengan Daing Marewah sebagaimana dinyatakan pada bahagian awal, untuk berkuasa di Kuala Linggi. Kemudian, pada sekitar Julai atau Ogos 1718, sekali lagi Daing Menompok seolah-olah diketepikan oleh Daing Marewah apabila beliau dituduh merangka suatu perjanjian dengan Bendahara Tun Abdullah Johor tanpa mendapat persetujuan Daing Menompok. Sebagai tindak balas terhadap perbuatan Bendahara Tun Abdullah dan Daing Marewah itu, Daing Menompok telah ‘melanggar dan membuat kacau’ di tanah jajahan Johor.

Pergeseran itu menjadi agak terbuka apabila dalam suatu perhimpunan di Kuala Linggi, Daing Menompok telah mencadangkan supaya orang Bugis

SEJARAH LINGGI

melancarkan suatu serangan ke atas Belanda di Melaka. Cadangan Daing Menompok ini telah disokong oleh kebanyakan panglima perang Bugis yang hadir dalam perjumpaan itu. Bagaimanapun, Daing Marewah dan sebahagian daripada pengikutnya agak kurang bersetuju dengan cadangan Daing Menompok itu. Beliau berpendapat bahawa kekuatan tentera Bugis adalah kecil berbanding dengan kekuatan Belanda, sebaliknya mencadangkan supaya terlebih dahulu meminta bantuan luar untuk ekspedisi itu. Cadang balas Daing Marewah adalah untuk menghantar seorang duta menemui Sultan Aceh dengan pemberian lima belas orang hamba untuk memohon bantuan baginda dalam usaha tersebut. Bagaimanapun, akibat daripada ketidakpersefahaman ini, ekspedisi itu telah ditangguhkan sehingga suatu masa dan keadaan yang lebih sesuai.

Daing Marewah menyedari bahawa apa yang berlaku dalam perhimpunan di Kuala Linggi itu, lambat laun akan diketahui juga oleh pihak Belanda. Mereka telah bertindak lebih awal untuk mengelakkan berlakunya konflik antara Belanda dengan Kuala Linggi, pada ketika pihak Bugis belum bersedia. Justeru itu pada sekitar petengahan Julai 1722, dengan menggunakan status sebagai Yamtuan Muda Riau, dan gelaran Paduka Seri Sultan Alaudin Syah, Daing Marewah telah menulis sepucuk surat kepada pihak Belanda di Melaka. Dalam surat itu beliau melaporkan peristiwa peperangannya dengan Raja Kecil, kejatuhan Riau dan perlantikan Raja Sulaiman dan dia sendiri sebagai sultan dan yang dipertuan muda. Menerusi surat itu juga Daing Marewah menyatakan hasratnya untuk bersahabat dengan Belanda dan menegaskan bahawa beliau telah memberitahu semua peristiwa itu supaya pihak Belanda tidak menaruh buruk sangka terhadapnya serta tidak mempercayai khabar-khabar angin yang jahat dan palsu tentang dirinya. Namun, surat yang diterima oleh Belanda pada 23 Julai 1722 itu tidak menyebut tentang kehadiran Daing Parani berserta 500 orang tentera Bugis di Riau (Andaya, 1975:298-9, 1987:396) atau rapat umum di Kuala Linggi.

Pihak Belanda pula berasa gelisah dan bimbang terhadap perkembangan baru itu, walaupun ada surat daripada Daing Marewah menyatakan hasratnya untuk bersahabat dengan pihak Belanda. Sebagai amaran, Belanda telah membala surat Daing Marewah itu pada 24 Julai 1722. Dengan menggunakan bahasa yang kasar, Belanda memberitahu bahawa mereka memang sudah lama mengetahui apa yang berlaku di Riau. Mereka memberi amaran kepada orang Bugis supaya mengekalkan persahabatan dengan Belanda dan salah satu cara untuk membuktikan kejujuran Bugis adalah dengan tidak mengganggu perkapalan di Selat Melaka. Sungguhpun pihak Belanda di Melaka yakin bahawa orang Bugis akan terus-menerus merancang untuk memusnahkan mereka, namun orang Bugis sendiri sibuk dengan hal-hal lain. Buat ketika itu, sebahagian besar tenaga orang Bugis adalah ditumpukan untuk mendapatkan semula alat kerajaan Johor supaya

penabalan rasmi Raja Sulaiman yang tertangguh itu dapat dilaksanakan (Shaharom Husain, 1995:34). Ini juga bermakna perlantikan putera-putera Bugis sebagai sebahagian daripada pemerintah kerajaan Johor juga dapat dilakukan secara rasmi.

Untuk lebih kurang setahun Daing Parani dan tentera Bugis telah berusaha melalui diplomatik dan peperangan, untuk mendapatkan kembali segala peralatan kerajaan Johor. Akhirnya, pada 4 Oktober 1722 Raja Sulaiman pun ditabalkan secara rasmi sebagai sultan kerajaan Johor-Pahang-Riau-Lingga. Selepas penabalan sultan dengan dipersetujui oleh kedua-dua pihak pembesar Melayu dan Bugis, Daing Marewah telah ditabalkan secara rasmi sebagai Yang Dipertuan Muda dan Daing Menompok pula, untuk menenangkan persaingan, telah diberi jawatan Raja Tua, iaitu ‘jawatan ketua di bawah Yamtuan Muda’²⁶ (Buyung Adil, 1980:114). Sejak itu, pusat kekuatan orang Bugis yang dahulunya berpusat di Selangor (dan juga Kuala Linggi mengikut laporan Belanda) telah berpindah pula ke Riau.

Pada persekitaran pertengahan kedua tahun 1722, Daing Parani yang pada ketika itu berada di Selangor telah menerima sepucuk surat daripada abang Sultan Kedah, mungkin Sultan Muhammad Jiwa II, meminta bantuan pihak Bugis untuk mendapatkan semula takhta beliau daripada adiknya, mungkin Sultan Ahmad Tajudin Hamim Syah.²⁷ Dalam peperangan itu, Sultan Muhammad Jiwa II telah berjaya merampas semula takhta dan telah membayar pihak Bugis tiga bahar ringgit dan berjanji akan membayar selebihnya, iaitu 12 bahar ringgit lagi. Orang Bugis kemudiannya meninggalkan Kedah dan pulang ke Riau.²⁸

Putera Kedah yang telah diturunkan dari takhta itu telah meminta bantuan Raja Kecil Siak. Pada penghujung bulan November 1722 atau awal Disember 1722 beliau telah belayar ke Kedah dengan kekuatan 110 buah kapal. Apabila pihak Bugis menerima berita ini, mereka telah menghantar satu angkatan yang terdiri daripada 50 buah kapal di bawah pimpinan Daing Menompok untuk menentang orang Minangkabau di Kedah. Dalam pertempuran awal ini, pihak Bugis di bawah Daing Menompok telah tewas. Mereka hanya berjaya setakat bertahan sahaja. Berita kegagalan pihak Bugis ini telah sampai ke Kuala Linggi dan Riau. Daing Marewah dengan 60 buah kapal telah belayar dari Kuala Linggi untuk menyertai Daing Parani yang datang dari Riau untuk ke Kedah membantu Daing Menompok. Angkatan bantuan ini telah belayar ke Kedah pada sekitar bulan Mac 1723.

Perang ini berlanjutan hampir dua tahun. Perang yang tidak muktamad di Kedah ini, secara tiba-tiba telah berakhir pada bulan Januari 1724.²⁹ Pasukan Bugis merupakan pasukan yang mula-mula meninggalkan Kedah. Dalam peperangan itu, walaupun Daing Parani mati terbunuh, namun dari segi kalah-menang, kedua-dua pihak tidak berjaya mengatasi satu sama

SEJARAH LINGGI

lain.³⁰ Tegasnya pengunduran pihak Bugis bukan disebabkan oleh mereka kalah atau pun berjaya tetapi atas sebab-sebab lain.³¹

Dalam perjalanan pulang ke Riau angkatan Bugis tersebut telah singgah di Kuala Linggi dan Selangor untuk mendapat bantuan dan bekalan yang cukup. Setelah itu barulah angkatan tersebut belayar menuju ke Riau. Tujuan utama mereka ke Riau adalah untuk ‘memujuk’ Sultan Sulaiman supaya berbaik-baik semula dengan orang Bugis. Misi ini telah berjaya kerana pada akhir bulan Ogos 1724, Sultan Sulaiman sekali lagi telah menjalin hubungan dengan orang Bugis dan berada di bawah perlindungan mereka.

Pembesar-pembesar Bugis, khususnya Daing Marewah selepas perang di Kedah 1722-24 itu, banyak menghabiskan masa mereka di Riau daripada Kuala Linggi. Beberapa tahun selepas itu, hingga ke tahun 1728 putera-putera Bugis tersebut terpaksa mengukuhkan kedudukan mereka ke atas kerajaan Riau-Johor kerana mereka masih terancam oleh serangan-serangan berkala Raja Kecil dari pangkalannya di Siak. Untuk kepentingan Kuala Linggi, Daing Marewah telah melantik seorang pembesar Bugis, toPassarai, sebagai wakilnya memimpin orang Bugis di situ.

Setelah berasa terjamin akan keselamatan Riau bagi Sultan Sulaiman dan orang Bugis telah menumpukan usaha untuk mencapai matlamat menjadikan orang Bugis kumpulan penting dalam kerajaan Johor. Untuk tujuan ini, pada ketika itu Daing Marewah mempunyai dua pilihan. Pertama beliau dan orang Bugis boleh memilih untuk tinggal terus di Kuala Linggi, iaitu salah satu daripada tanah jajahan Johor. Keistimewaan Kuala Linggi dalam hal ini adalah kerana ia suatu kawasan ‘kosong’ yakni bebas daripada sebarang kekuasaan mana-mana ketuanan Melayu. Namun di pihak lain, kerajaan Johor telah memberikan mereka kewibawaan, suatu kedudukan tradisi berstatus tinggi dan terhormat dari segi pandangan sultan-sultan Melayu. Ini bermakna orang Bugis telah mempunyai tempat yang tinggi dalam hierarki struktur kepimpinan dalam sebuah dunia Melayu. Di samping itu, selagi mereka berkuasa di Riau, mereka berkemungkinan menabung kekayaan yang mengalir dari suatu pusat perdagangan antarabangsa. Daing Marewah menyedari juga bahawa pilihan kedua ini, secara tidak langsung boleh mengikis penghinaan yang telah dilemparkan oleh dunia luar kepada orang Bugis sebagai ‘lanun’ dan ‘tentera upahan’, di samping memberi luang kepada mereka untuk dapat menyesuaikan diri di dalam masyarakat asing, di sini khususnya masyarakat Melayu. Setelah mempertimbangkan kedua-dua pilihan itu, Daing Marewah memutuskan untuk menyelaraskan kepentingan dirinya dan pengikut-pengikutnya dengan kepentingan kerajaan Johor. Dengan demikian, beliau telah menyerahkan kawasan-kawasan Bugis yang lain kepada toPassarai,³² ketua kawasan Bugis di Kuala Linggi, dan kepada Daing Matekko,³³ seorang putera raja dari Wajo yang memerintah Selangor. Ketika Daing Marewah

KUALA LINGGI SEMASA PEMERINTAHAN RAJA KECIL

meninggal dunia pada awal bulan Oktober 1728, orang Bugis telah pun memainkan suatu peranan penting dalam mengekalkan kedudukan Sultan Sulaiman yang tidak menentu dan berbahaya tetapi berwibawa sebagai seorang pemerintah Johor (Andaya, 1975:311–12, 1987:141).

Daing Cellak, adik Daing Marewah telah dilantik oleh Sultan Sulaiman sebagai Yang Dipertuan Muda bergelar Sultan Alauddin Syah (*Tuhfat al-Nafis*, 1982:105, 1991:238). Hubungan Daing Cellak dengan Kuala Linggi, jika dibandingkan dengan Daing Marewah agak berbeza. Daing Cellak tidak banyak terlibat atau tidak seaktif Daing Marewah dengan ‘pengambilan’ dan ‘mempertahankan’ Kuala Linggi sebagai ‘wilayah Bugis’. Sejak awal kedatangan mereka ke sana Daing Cellak lebih banyak bersikap ‘pengikut’ dan ‘penyokong’ kepada abangnya, Daing Marewah. Oleh yang demikian, setelah kematian Daing Marewah, Kuala Linggi tidak lagi ditadbirkan secara langsung oleh keluarga Yang Dipertuan Muda Riau. Kepimpinan di Kuala Linggi, sebagai dinyatakan telah diambil alih oleh toPassarai. Selepas kematian Daing Marewah beliau cuba memperkuuhkan kedudukannya di sana dengan menggunakan gelaran sultan. Tidak cukup dengan itu, pada tahun 1732, beliau telah cuba mendapatkan sokongan pihak Belanda. Untuk tujuan ini, beliau telah menawarkan kepada pihak Belanda kesemua hasil bijih timah dari Kuala Linggi (Andaya dan Andaya, 1982:83). Kedudukan toPassarai telah dicabar oleh pembesar-pembesar Bugis lain, khususnya Daing Matekko dari Selangor. Akibatnya, sepanjang tahun 1730-an, Kuala Linggi telah menjadi kawasan rebutan antara toPassarai dengan Daing Matekko. Daing Cellak, menyedari bahawa jikalau keadaan permusuhan di Kuala Linggi dan Kuala Selangor ini berlanjutan akan menjelaskan kewibawaan orang Bugis di kawasan Melayu, telah bertindak menyelesaikannya. Dengan itu, menjelang tahun 1743, keluarga Yang Dipertuan Muda Riau telah mengambil alih semula kepimpinan di Kuala Linggi (Andaya, 1975:321, 1987:427).

Dengan tercapainya perdamaian itu, sehingga tahun 1753, iaitu lebih kurang 25 tahun, sumber setempat, khususnya *Tuhfat al-Nafis* dan *Silsilah Melayu dan Bugis* tidak lagi menyebut tentang petempatan dan kegiatan Bugis di Kuala Linggi. Dalam jangka masa tersebut kegiatan Bugis adalah lebih tertumpu kepada Riau dan pulau-pulau di sekitarnya, dan Selangor. Besar kemungkinan dari segi politik, dalam tempoh berkenaan, Kuala Linggi tidak lagi begitu penting bagi orang Bugis. Kepentingan Kuala Linggi telah dibayangi oleh kegiatan pembesar Bugis untuk memajukan Riau yang secara tidak langsung memberikan keuntungan besar, baik dari segi ekonomi maupun politik kepada mereka. Di samping itu, mereka juga ingin memperkuatkan lagi kedudukan mereka di Selangor. Antara Selangor dan Kuala Linggi, Selangor sebagai sebuah negeri besar dan kaya dengan hasil perlombongan berbanding dengan Kuala Linggi yang kecil dan bersepadanan pula dengan wilayah Belanda, adalah lebih banyak

SEJARAH LINGGI

memberikan dan menjanjikan keuntungan yang lebih lumayan kepada orang Bugis. Dari aspek pengeluaran bijih timah, lombong yang ada di Kuala Linggi, iaitu di sekitar kawasan Tanjung Serai dan Tanjung Meriam Patah, adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan hasil daripada lombong-lombong di Selangor.³⁴ Namun adalah dipercayai bahawa pemerlukan orang Bugis masih ada dan kekal di Kuala Linggi. Kepentingan dan kegiatan ekonomi orang Bugis selepas tahun 1720-an adalah tertumpu kepada ‘pencukaian’ ke atas lalu lintas bahan dagangan di kuala sungai tersebut dari kawasan pedalaman ke pasar sama ada di Melaka, Perak, Kedah atau Riau.

1. Untuk keterangan lanjut bagaimana kerajaan Johor jatuh ke tangan Raja Kecil lihat Andaya, 1972:51–75; 1975:251–66, 1987:333–52. Lihat juga Buyung Adil, 1980:103–6, Hooker, 1991:187–9, Muhammad Yusoff Hashim, 1992:124–7, dan Shaharom Husain, 1995:28–30.

2. Mengikut *Hikayat Siak* (Muhammad Yusoff Hashim, 1992:129) Daing Parani meninggalkan Johor hanya selepas Sultan Abdul Jalil kalah dan lari ke Pahang. Daing Parani, mengikut hikayat ini tidak balik ke Siantan tetapi telah ke ‘Langat mendapatkan orang Bugis, kerana hendak melanggar Johor’.

3. Peperangan atau percaduhan ini adalah berpunca daripada perbuatan Raja Kecil cuba mengambil semula isterinya, Tengku Kamariah, yang telah diculik oleh kakaknya, Tengku Tengah (Hooker, 1991:196).

4. Buyung Adil (1980:109) melaporkan baginda telah lari ke Pahang, kemudian pergi ke Terengganu. *Silsilah Melayu dan Bugis* (Arena Wati, 1973:45, Mohd. Yusof Md. Nor, 1984:37) dan *Hikayat Siak* (Muhammad Yusoff Hashim, 1992:12) juga menyatakan Sultan Abdul Jalil lari ke Pahang, tetapi tidak menyebut tentang pemergiannya ke Terengganu.

5. Mengikut laporan *Tuhfat al-Nafis* (Hooker, 1991:196) dan Buyung Adil (1980:109)—peristiwa ini terjadi dalam tahun 1719) Raja Kecil tidak balik ke Siak tetapi memindahkan pusat kerajaan Johor ke Riau. Menurut *Silsilah Melayu dan Bugis* (Arena Wati, 1973:47), Mohd. Yusof Md. Nor, 1984:40) dan *Hikayat Siak* (Muhammad Yusoff Hashim, 1992:130) Raja Kecil meninggalkan Johor dan membuat negeri di Riau hanya selepas Sultan Abdul Jalil dibunuh di kuala Pahang.

6. Di sini terdapat percanggahan dengan kenyataan daripada sumber sejarah tempatan. Mengikut *Tuhfat al-Nafis*, Buyung Adil dan Shaharom Husain daing-daing Bugis telah pun berjanji membantu mengeluarkan Raja Kecil dari Johor semasa Johor baru sahaja jatuh ke tangan Raja Kecil dan Sultan Abdul Jalil masih berada di Johor lagi.

7. Baginda Sultan (Sutan) Maharaja bersama empat Orang Kaya telah dihantar oleh Sultan Gagar Alam (Raja Alam, Sultan Ahmad Syah), Maharaja Minangkabau untuk membawa Raja Kecil pulang ke Pagarruyung, dan untuk memulihkan semula kerajaan Johor. Baginda Sultan Maharaja setelah melakukan beberapa percubaan, gagal membawa Raja Kecil pulang. Namun, Baginda Sultan Maharaja tetap mencuba dan berusaha mengumpulkan kekuatan tentera yang lebih kuat. Akhirnya, Raja Kecil mulai berasa kurang pasti akan kemampuan Baginda Sultan Maharaja mengumpulkan lebih ramai orang Minangkabau untuk melancarkan satu serang besar ke atasnya. Justeru itu, sebelum beliau dipaksa balik ke Pagarruyung, Raja Kecil telah berundur semula ke Riau pada akhir tahun 1719 (Andaya, 1975:286–8; 1987:380–3).

KUALA LINGGI SEMASA PEMERINTAHAN RAJA KECIL

8. Setelah Raja Kecil menjadikan Riau pangkalan beliau, di samping memperoleh keseitanan Orang Laut, beliau telah memanggil balik semua pegawai Johor yang telah dilantik oleh beliau sebelum itu. Mereka dan orang Johor lain yang telah mengkhianati Sulatan Abdul Jalil dalam tahun 1718 menjadi penyokong kepada Raja Kecil dalam tahun-tahun tersebut (Andaya, 1975: nota kaki 46:316; 1987:420).

9. Winstedt (1932:65; 1962:143) mengikut *Hikayat Johor* (Winstedt, 1932:2 [Jawi]) menyatakan kematian Sultan Abdul Jalil pada 1720. Kennedy (1962:56) pula menyatakan pada tahun 1719 sebagai tarikh berlakunya peristiwa itu.

10. Menurut *Hikayat Johor* serta *Pahang* yang menulis surat itu adalah Tengku Mandak (Fawzi Basri, 1983:44) yang telah diperisteri oleh Daing Parani. Mengikut sumber setempat yang lain, anak Sultan Abdul Jalil yang dikahwini oleh Daing Parani adalah Tengku Tengah; sedangkan Tengku Mandak adalah isteri Daing Cellak (*Silsilah Melayu dan Bugis*, 1973:81, 1984:101; *Tuhfat al-Nafis*, 1984:84, 1991:215; dan Shaharom Husain, 1995:34).

11. *Hikayat Siak* (1992:130) menyatakan kejadian ini berlaku satu tahun selepas kematian Sultan Abdul Jalil, dan tidak menyatakan fakta Raja Sulaiman dan Bendahara mengutus surat kepada daing-daing tersebut. Dalam hal ini *Hikayat Siak* berkata: '... Dan ada satu tahun baginda [Raja Kecil] di Riau, maka Daing Parani serta Raja Sulaiman datanglah, melanggar Riau....' Ayat ini menunjukkan bahawa Raja Sulaiman tidak ada dan tidak mengutus surat tersebut dari Riau; Raja Sulaiman datang bersama dengan Daing Parani untuk menakluki Riau. Mereka mungkin datang dari Langat (*Hikayat Siak*, 1992:129).

12. Mengikut *Hikayat Johor* serta *Pahang* surat itu telah diterima oleh daing-daing Bugis itu di Bugis dan tidak di Matan (Fawzi Basri, 1983:44).

13. *Penjabab* adalah kapal perang Makasar, rendah dan leper tetapi panjang, strukturnya hampir sama dengan perahu orang Viking (Arena Wati, 1973:262).

14. Menurut *Tuhfat al-Nafis* Raja Sulaiman telah dibawa ke Riau oleh Laksamana Nakhoda Sekam.

15. Menurut *Tuhfat al-Nafis* Raja Sulaiman berada di Riau semasa daing lima bersaudara itu menyerang Riau; malahan Raja Sulaiman yang bertanggungjawab menjemput mereka untuk menyerang Riau.

16. Menurut *Tuhfat al-Nafis* Daing Parani telah pergi ke Selangor semasa Raja Kecil dalam perlarian di Pulau Lingga. Pemergian Daing Parani ke Selangor adalah dengan izin Raja Sulaiman.

17. Mengikut *Hikayat Johor* serta *Pahang* Daing Marewah adalah anak Daing Parani (Fawzi Basri, 1983:45).

18. Lihat juga penceritaan tentang perang ini dalam buku *Tuhfat al-Nafis*, (1982:76–8), 1991:206–8); *Silsilah Melayu dan Bugis*, (1973:70–1, 1984:69–70); dan *Hikayat Siak* (1992:132).

19. Oleh sebab demikian berakhirnya perang ini orang Melayu telah membuat pantun yang berbunyi:

Utik-utik ikan bambangan,
Miryak ketiau di hujung galah;
Raja Kecil silalah datang,
Lingga diserang Riau yang alah;

dan orang Riau pula telah berpantun seperti berikut:

Terketai-ketai anak sembilang,
Budak merayau dengannya galah;
Raja Kecik silalah pulang,
Lingga diserang Riau yang alah. (*Tuhfat al-Nafis*, 1982:80, 1991:211)

SEJARAH LINGGI

Menurut *Hikayat Johor serta Pahang* pantun terakhir itu, walaupun berlainan pembayang maksud tetapi mempunyai maksud yang sama, telah ditulis oleh Tengku Kamariah, isteri Raja Kecil, dalam sepucuk surat kepada Raja Kecil memberitahu tentang penawanan Riau oleh Daing Marewah. Pantun Tengku Kamariah berbunyi:

Ada tiap-tiap ikan membang,
Riau mudik bergalah;
Tengku Kecik silalah pulang,
Lingga diserang Riau alah. (Fawzi Basri, 1983:45)

Dalam satu temu bual pada 6 Disember 1995, Encik Abas bin Daiman, 82 tahun, bekas Tok Empat Kuala Linggi telah memberikan satu versi pantun berkait tentang peristiwa Perang Kuala Linggi ini. Pantun-pantun ini yang merupakan sindiran atas kekalahan Kuala Linggi, menurut Encik Abas telah dicipta oleh penduduk Kuala Linggi, tetapi tidak pasti bila, sama ada pada abad ke-18 atau pada abad berikutnya. Pantun tersebut berbunyi:

Anak otek ikan bambangan,
Minyak ketiau di hujung galah;
Raja Kecil pulanglah tuan,
Riau diserang, Linda yang alah.
Minyak ketiau di hujung galah,
Dibawa orang dari Bengkalis;
Riau diserang, Linda yang alah,
Kerana ditipu dek orang Bugis.

(Lihat juga Ramli Simbok, 'Kota Filipina di Kuala Linggi', *Variasari*, Bil. 85, Jun 1988:17).

20. Peristiwa hujan lebat berserta ribut ini selari dengan cerita daripada sumber setempat, seperti yang diuraikan.

21. Andaya telah memetik fakta-fakta penaklukan Bugis ke atas Riau ini daripada *KA 1872, OB 1723, Laporan oleh Beberapa Orang Melayu berkenaan apa yang berlaku di Riau, 23 Mac 1722, fol. 73-6* (Andaya, 1975:317, 1987:421—nota kaki 60).

22. Lihat juga *Tuhfat al-Nafis*, 1991:187.

23. Lihat juga catatan berkenaan peristiwa ini dalam *Hikayat Siak*, 1992:124:5.

24. Mengikut sumber setempat kedudukan Daing Marewah dalam kerajaan Johor itu telah diberi oleh Raja Sulaiman sebagai membala budi atas bantuan orang Bugis mengembalikan kerajaan Johor-Riau kepadanya dari tangan Raja Kecil.

25. Ramai di antara Orang Laut telah meninggalkan dinasti baru (keturunan Bendahara) dan menumpukan taat setia mereka kepada Raja Kecil kerana percaya bahawa Raja Kecil adalah putera sebenar Sultan Mahmud Syah. Justeru itu, bersetia dan taat kepada Raja Kecil bererti mereka masih dan tetap mengabdikan diri kepada keturunan raja Melaka (Andaya, 1975:294, 1987:390).

26. Untuk mengukuhkan lagi ikatan Bugis-Melayu ini Daing Marewah telah dikahwin dengan Tun Cik Ayu, anak Temenggung Riau, bahu Marhum Sultan Mahmud Syah II (1685-99), *Marhum Mangkat Di Julang* yang masih dara; Daing Cellak dikahwin dengan Tengku Mandak, adik Sultan Sulaiman; Daing Menompok dengan Tengku Tipah anak saudara Sultan Sulaiman; Daing Masuru dengan Tun Kecik anak almarhum Raja Muda Tun Mahmud; Daing Mengetok dengan Tun Enah juga anak almarhum Raja Muda Tun Mahmud. Daing Parani telah berkahwin dengan Tengku Tengah, saudara Sultan Sulaiman, terlebih dahulu daripada itu (*Buyung Adil*, 1980:115) secara 'diam-diam' sahaja (*Silsilah Melayu dan Bugis*, 1973:82, 1984:89). Lihat juga huraihan peristiwa ini dalam *Hikayat Johor* 1932:2-3; *Tuhfat al-Nafis*, 1987:84-5, 1991:217.

27. Beliau ini mungkin putera yang dibantu oleh Bugis merebut kuasa dalam tahun 1715 dengan janji diberikan ganjaran. Namun, apabila berjaya beliau telah mungkir janji; mem-

KUALA LINGGI SEMASA PEMERINTAHAN RAJA KECIL

buatkan pihak Bugis marah dan telah membala dendam ke atas rakyat Kedah. Mengikut Zahidi bin Zainol Rashid, Bugis terlibat dalam perang ini atas desakan Tengku Abdullah, putera Sultan Muhamad Jiwa. Lihat Zahidi bin Zainol Rashid, 'Pusara Daing Parani Simpan Misteri', *Mingguan Tempo*, 11 Oktober 1995:10.

28. Untuk huraian lebih lanjut tentang perang ini lihat *Tuhfat al-Nafis*, 1982:87–9, 1991:218–9; *Silsilah Melayu dan Bugis*, 1973:87–98, 1984:109–13.

29. Untuk keterangan lanjut tentang perang ini lihat *Tuhfat al-Nafis*, 1982:91–2, 1991:221–3.

30. Secara tidak langsung *Hikayat Siak*, (1992:138) juga mengakui bahawa perang ini telah berakhir tanpa kemenangan yang jelas bagi mana-mana pihak. Mengikut Buyung Adil (1980:116) dan Shaharom Husain, (1995:35) pihak Bugis telah beroleh kemenangan, dan Raja Kecil dapat dihalau keluar dari Kedah dan balik ke Siak.

31. Mengikut Andaya ada dua sebab utama mengapa Bugis meninggalkan perang itu dengan tiba-tiba. Pertama ialah kerana Sultan Sulaiman telah membawa sikap 'permusuhan' terhadap orang Bugis dan lari meninggalkan Riau; dan kedua tentera Bugis telah 'jemu' dengan perperangan yang tiada kalah-menang itu. Untuk keterangan lanjut lihat Andaya, 1975:303–5, 1987:403–5.

32. Beliau adalah bapa saudara kepada Ratu Bone di Sulawesi (Andaya dan Andaya, 1832:83).

33. Daing Matekko adalah adik kepada Arung Sengkang dari Wajo. Beliau telah bersekutu dengan Raja Alam, anak Raja Kecil Siak dalam tahun 1730-an untuk menegaskan kuasanya di Selangor.

34. Bekas lombong berkenaan masih ada. Kegiatan mencari bijih telah diusahakan sehingga awal abad ini. Cara gaya utama untuk mendapatkan bijih timah di kawasan tersebut adalah dengan mendulang yang kebanyakannya diusahakan oleh kaum wanita (Abas bin Daiman, 82 tahun, bekas Tok Empat Kuala Linggi, dalam temu duga pada 6 Disember 1995).